

MDEC lancar #mydigitalmaker

MALAYSIA Digital Economy Corporation (MDEC) dengan usahasama Yayasan Pintar melancarkan unit pembelajaran kembara di bawah inisiatif kebangsaan #mydigitalmaker.

Matlamat unit itu akan memberi pendedahan dan peluang mengenai pendidikan digital kepada kira-kira 100,000 pelajar di sekolah-sekolah luar bandar dan kurang berkemampuan.

Ketua Pegawai Eksekutif, MDEC, Datuk Yasmin Mahmood berkata, inovasi digital mencipta semua sektor dan merubah land-

skap pekerjaan.

"Bagi memastikan Malaysia kekal berdaya saing dalam arena tempatan dan global, penting untuk melengkapkan golongan muda dengan kemahiran digital agar mereka bersedia menjadi pasukan kerja digital di masa hadapan dan merebut peluang digital global," katanya.

#mydigitalmaker adalah sebuah bas yang direka khas bagi menempatkan pelbagai peralatan penciptaan digital.

Bas ini akan jelajah kebanyakan negeri di Semenanjung.